

PENERIMAAN FATWA DALAM KALANGAN MASYARAKAT MUSLIM MALAYSIA: KAJIAN EMPIRIKAL

Fatwa Acceptance Among Malaysian Muslim Community: An Empirical Study

Mohd Harifadilah Rosidi^{1a*}, Ahmad Wifaq Mokhtar^{2b} dan Mohd Nasir Abdul Majid^{3c}

^aFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

Emel: harifadilahrosidi@gmail.com

^bFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
Emel: wifaqq@usim.edu.my

^cFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
Emel: nasirmajid08@usim.edu.my

*Corresponding Author: harifadilahrosidi@gmail.com

Received: 10 June 2022

Accepted: 8 August 2022

Published: 15 September 2022

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no4.458>

Abstrak	Abstract
<p>Fatwa telah melalui proses evolusi daripada jawapan persoalan agama kepada undang-undang syariah bagi negara yang mewartakan fatwa tersebut seperti Malaysia. Sehingga tahun 2022, terdapat sebanyak 1404 fatwa yang telah diputuskan di peringkat kebangsaan dan negeri manakala 398 fatwa telah diwartakan di negeri-negeri di Malaysia. Kajian dan penulisan lepas menunjukkan penolakan terhadap keputusan fatwa serta tahap penerimaan fatwa yang rendah dalam kalangan responden di beberapa buah negeri. Jesteru itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penerimaan fatwa yang terkini dalam kalangan masyarakat Muslim seluruh negeri di Malaysia. Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah kaedah kuantitatif dengan menerima pakai instrumen soal selidik dalam talian untuk mendapatkan data.</p>	<p><i>Fatwas have evolved from answering religious questions to sharia law for countries that gazette fatwas, such as Malaysia. Until 2022, a total of 1404 fatwas have been decided, and 398 fatwas have been gazetted. Past studies and writings show rejection of fatwa decisions and the low level of fatwa acceptance among respondents in several states. Therefore, this study aims to identify the latest level of fatwa acceptance among the Muslim community throughout Malaysia. The research method used is quantitative by adopting an online questionnaire instrument to obtain data. Study data were obtained from 500 participants through a multi-stage cluster sampling technique and then analyzed through frequency tables and mean statistics. The study results found that the level of fatwa acceptance among the Malaysian Muslim community is high, with a mean score of 4.60. In</i></p>

<p>Data kajian diperolehi daripada 500 peserta melalui teknik persampelan kluster berbilang peringkat dan kemudiannya dianalisis melalui jadual frekuensi dan statistik min. Hasil kajian mendapati tahap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia adalah tinggi dengan pencapaian skor min sebanyak 4.60. Selain itu, kajian ini juga mencapai skor min yang tinggi terhadap tahap pengetahuan fatwa ($M = 4.50$) dan penggunaan media dalam talian untuk mendapatkan maklumat fatwa ($M = 4.08$) dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia. Walaubagaimanapun, kajian ini mendapati kesedaran fatwa masyarakat Muslim Malaysia berada pada tahap yang sederhana dengan skor min sebanyak 3.60. Seterusnya, kajian ini mencadangkan usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan fatwa perlu dipergiatkan lagi menggunakan platform media dalam talian oleh institusi fatwa di Malaysia supaya masyarakat sentiasa cakna terhadap fatwa-fatwa semasa.</p> <p>Kata kunci: Penerimaan Fatwa; Pengetahuan Fatwa; Kesedaran Fatwa; Media</p>	<p><i>In addition, this study also achieved a high mean score on the level of fatwa knowledge ($M = 4.50$) and the use of online media to obtain fatwa information ($M = 4.08$) among the Malaysian Muslim community. However, this study found that the awareness of fatwas in the Malaysian Muslim community is moderate, with a mean score of 3.60. Furthermore, this study suggests that efforts to increase public awareness of the importance of fatwas should be intensified using online media platforms by fatwa institutions in Malaysia so that the community is always aware of current fatwas.</i></p> <p>Keywords: Fatwa Acceptance; Fatwa knowledge; Fatwa Awareness; Media</p>
--	---

1. PENDAHULUAN

Fatwa atau futya ditakrifkan sebagai jawapan yang diberikan oleh seorang ulama yang berkelayakan seperti mufti terhadap isu tertentu yang dikemukakan kepadanya oleh seseorang atau sekumpulan orang atau organisasi (Kamali, 2016). Fatwa secara umum hanyalah sebuah penyampaian satu ketetapan atau hukum Syariah dalam menjawab sesuatu persoalan dan fatwa tidak mengikat sesiapapun termasuklah diri penyoal. Walaubagaimanapun, sejak beberapa dekad kebelakangan ini, sifat fatwa yang tidak mengikat ini telah berubah di kebanyakan Negara Islam termasuk Malaysia yang telah mengawal selia fatwa dengan mewujudkan jawatan rasmi Mufti dan jabatan fatwa bagi setiap negeri seperti di dalam Jadual 1 serta menjadikan fatwa yang diwartakan sebagai sebahagian daripada

undang-undang Islam bagi negeri berkenaan.

Jadual 1: Nama Jawatankuasa Fatwa Negeri

Jawatankuasa Fatwa Negeri	Negeri
Jawatankuasa Fatwa Negeri	Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Terengganu
Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak	Pahang dan Wilayah Persekutuan
Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu	Kelantan
Majlis Fatwa Negeri	Sabah
Lembaga Fatwa Negeri	Sarawak

Sumber: Jakim (2022a)

Selain fatwa rasmi yang diwartakan di peringkat negeri, terdapat fatwa yang tidak diwartakan dan juga pandangan mufti. Fatwa yang tidak diwartakan dan pandangan mufti hanyalah berfungsi sebagai rujukan dan pengetahuan hukum tanpa mengikat sesiapapun sepertimana fatwa yang diwartakan. Di Malaysia, hal-hal berkaitan agama Islam termasuk urusan fatwa berada di bawah kuasa kerajaan negeri masing-masing yang diketuai oleh Sultan negeri ataupun Yang Dipertuan Agong bagi negeri-negeri tidak bersultan dan wilayah-wilayah persekutuan. Oleh hal yang demikian, sesebuah fatwa boleh diwartakan di sesebuah negeri berkemungkinan tidak diwartakan di negeri-negeri yang lain. Bermula daripada tahun 1965 sehingga 2022 terdapat sejumlah 398 fatwa yang diwartakan dan 1404 fatwa yang tidak diwartakan di peringkat negeri dan kebangsaan seperti dalam jadual 2.

Jadual 2: Kategori dan jumlah fatwa di Malaysia

Kategori	Fatwa	Fatwa tidak
	Diwartakan	Diwartakan
Aqidah	218	202
Ibadah	14	193
Makan dan Minum	4	50
Munakahat	15	82
Perubatan	11	89
Zakat	28	146
Pentadbiran	0	3
Haiwan	6	42
Jenayah	0	8
Muamalat/Ekonomi	28	175
Pakaian	2	13
Sosial/Syariah	66	349

Lain-lain	6	52
Jumlah	398	1404

Sumber: Jakim (2022b)

Kedudukan fatwa yang diwartakan di peringkat negeri adalah tinggi dan dihormati. Fungsi dan kehormatan fatwa dijamin oleh akta/enakmen/ordinan negeri masing-masing. Misalnya, merujuk kepada Seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Selain itu, Seksyen 12 Akta yang sama juga memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang ajaran Islam, Hukum Syarak atau apa-apa isu yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Fatwa yang hakikatnya hanyalah sebuah jawapan bagi permasalahan agama kini telah melalui proses revolusi di Malaysia sehingga diangkat menjadi sebahagian daripada undang-undang Islam di negeri yang mewartakan fatwa tersebut dengan mewajibkan masyarakat berpegang dengannya dan menghukum individu-individu yang bertindak bertentangan dengan keputusan fatwa yang telah diwartakan. Walaubagaimanapun, beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat berada pada tahap yang rendah (Ishak, 1981; Abdullah, 2004; Kasan, 2008, Shamsudin et al., 2018; Rosidi et al., 2021a). Tahap penerimaan fatwa yang rendah ini membuktikan wujudnya kecenderungan masyarakat untuk menolak fatwa keluaran institusi fatwa di Malaysia (Ashaari et al., 2019). Oleh hal yang demikian, kajian ini akan membincangkan faktor-faktor utama yang mempengaruhi tahap penerimaan fatwa di Malaysia seterusnya mengukur tahap penerimaan semasa masyarakat Muslim di Malaysia secara keseluruhan.

2. SOROTAN LITERATUR

Kajian literatur ini akan membincangkan pelbagai tema yang berkaitan dengan subjek kajian iaitu penerimaan fatwa. Tema-tema tersebut termasuklah pengetahuan fatwa, kesedaran fatwa, dan mekanisma

penyampaian fatwa.

2.1 *Pengetahuan Fatwa*

Secara umumnya, penerimaan sesuatu perkara hanya boleh bermula apabila maklumat tentang perkara tersebut telah diperolehi terlebih dahulu. Sekiranya seseorang bertindak bertentangan dengan sesuatu perkara, tidak semestinya menunjukkan bahawa dia menolak atau menentang perkara tersebut. Hal ini mungkin disebabkan ketiadaan maklumat dan penjelasan tentang perkara itu. Oleh hal yang demikian, dalam menilai penerimaan dan penolakan sesuatu perkara, aspek pengetahuan perlu menjadi kayu ukur yang utama. Begitu juga dalam menentukan sama ada seseorang individu itu menerima atau menolak sesuatu fatwa yang telah diputuskan, aspek utama yang perlu difahami adalah adakah individu itu mengetahui kewujudan fatwa tersebut ataupun sebaliknya. Selepas dipastikan individu itu mempunyai pengetahuan berkenaan sesuatu fatwa yang telah diputuskan, kemudian tindakannya bertentangan dengan fatwa tersebut, barulah boleh dianggap berlakunya penolakan terhadap sesebuah fatwa.

Dalam Islam, pelanggaran syariat disebabkan kejahanan adalah dimaafkan dan bukanlah dianggap sebagai menolak atau menentang syariat. Ketika menafsirkan ayat 15 daripada Surah Al-Isra' yang bermaksud "Tiadalah Kami mengazabkan sesiapapun sehingga Kami mengutuskan seorang rasul", Al-Sa'di (2018) menyebut: "Allah itu Maha Adil, Dia tidak akan mengazab seseorang melainkan setelah ditegakkan hujah dengan pengutusan rasul tapi dia menolaknya. Adapun sesiapa yang tidak sampai kepadanya hujah Allah, maka sesungguhnya dia tidak diazab". Perkara yang sama disyarahkan oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah (2005) bahawa ada dua sebab melayakkan seseorang diazab. Pertama adalah tidak mahu mendengar hujah serta enggan menerima dan beramal sesuai dengan tuntutannya manakala yang kedua adalah berkeras setelah ditegakkan hujah dan meninggalkan tanggungjawab berkaitan. Walaubagaimanpun, atas faktor kejahanan iaitu tidak ditegakkan hujah atau tanpa kemampuan untuk mengenali hujah, jenis inilah yang Allah tidak akan azab sehingga tertegaknya hujah rasul (Ibn Al-Qayyim, 2005). Disebabkan oleh peningkatan jumlah fatwa yang dikeluarkan di peringkat kebangsaan dan negeri hari ini, adalah penting untuk memastikan penyampaian maklumat fatwa kepada masyarakat umum telah dibuat supaya masyarakat sentiasa mendapat pengetahuan tentang fatwa tersebut.

Walaupun kajian Ishak (1981), Abdullah (2004), Kasan (2008), Shamsudin et al. (2018) dan Rosidi et al. (2021a) mendapati tahap penerimaan fatwa dalam kalangan responden adalah rendah, namun seperti yang ditekankan sebelum

ini, adakah penerimaan yang rendah ini disebabkan masyarakat benar-benar menolak keputusan fatwa tersebut atau sebenarnya berpunca daripada ketaksampaian fatwa kepada pengetahuan masyarakat. Hal ini kerana mereka yang tidak menerima fatwa sering mendakwa bahawa mereka tidak mengetahui fatwa tersebut telah dikeluarkan (Kasan, 2008). Bagitu juga dengan hasil tinjauan yang dijalankan oleh Irwan et al. (2017) mendapati 70% daripada 1200 responden tidak mengetahui atau tidak pasti tentang beberapa fatwa yang telah diputuskan. Hasil yang sama didapati oleh kajian Rahman et al. (2016) bahawa kebanyakan responden menjawab tidak tahu terhadap penguatkuasaan fatwa setelah digazetkan oleh institusi fatwa negeri. Kajian-kajian ini menyokong dapatan Abdullah (2004) bahawa penyebaran fatwa dalam kalangan masyarakat masih lagi lemah. Sedangkan instrumen penyampaian fatwa yang lemah dan tidak berkesan membawa kepada kegagalan hebatan fatwa tersebut sekaligus menyebabkan masyarakat tidak tahu kewujudan sesuatu fatwa (Rosidi et al., 2021a). Oleh hal yang demikian, pengetahuan terhadap fatwa menjadi aspek terpenting dalam mengukur tahap penerimaan atau penolakan sesuatu fatwa yang telah diputuskan.

2.2 Kesedaran Fatwa

Selain daripada pengetahuan fatwa, kesedaran fatwa juga merupakan salah satu aspek terpenting dalam mempengaruhi penerimaan fatwa. Sekiranya tahap kesedaran fatwa itu tinggi maka individu tersebut akan berusaha mengkaji dan mendapatkan maklumat serta pengetahuan tentang fatwa yang telah diputuskan. Dalam membahaskan perihal kesedaran, Black dan Rojewski (1998) menggariskan 3 faktor utama iaitu sensitiviti (persepsi), wawasan (tafsiran), dan komunikasi. Apabila seseorang individu itu sensitif, dia akan dapat menyedari kejadian di sekeliling atau acara sosial dan akan dapat mengenal pasti pengalaman orang lain pada kejadian tersebut. Faktor wawasan, menunjukkan keupayaan untuk memahami sebab mengapa ia berlaku di sebalik situasi dan untuk memahami kemungkinan faktor tingkah laku orang lain dalam situasi tersebut. Bergantung kepada dua faktor ini, faktor ketiga iaitu komunikasi mencerminkan keupayaan untuk mengambil tindakan terhadap situasi tertentu (Black & Rojewski, 1998).

Faktor penerimaan fatwa tidak boleh tertumpu kepada pengetahuan fatwa semata-mata akan tetapi kesedaran fatwa memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sikap seseorang apabila berhadapan dengan urusan fatwa. Penyampaian maklumat fatwa oleh institusi fatwa yang disambut dengan kesedaran fatwa yang tinggi dalam diri individu akan meningkatkan lagi pengetahuan fatwa. Walaubagaimanapun, sekiranya kesedaran fatwa berada pada tahap yang rendah, usaha hebatan dan penjelasan fatwa yang

dilakukan oleh institusi fatwa kepada masyarakat tidak akan berkesan. Hal ini disebabkan tahap kesedaran fatwa yang rendah akan menyebabkan individu tersebut bersikap tidak mahu mengambil tahu hal-hal yang melibatkan fatwa. Kajian Shamsudin et al. (2018) mendapati tahap kesedaran terhadap fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim Selangor adalah rendah dengan hanya sebilangan kecil sahaja yang cakna tentang fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Selangor bahkan majoriti daripada mereka langsung tidak mengikuti perkembangan terkini fatwa negeri Selangor. Begitu juga dengan kajian Rahman et al. (2016) menunjukkan majoriti responden tidak berminat untuk mengetahui pelaksanaan fatwa setelah diwartakan oleh institusi fatwa negeri. Maka dengan itu, tidak menghairankan kajian mereka menunjukkan tahap penerimaan fatwa yang rendah dalam kalangan masyarakat. Oleh yang demikian, Rosidi et al. (2021a) mencadangkan supaya kajian emperikal dilakukan lagi untuk mengetahui samada penerimaan fatwa yang rendah berpunca daripada kaedah penyampaian yang tidak berkesan atau tahap kesedaran masyarakat Muslim Malaysia yang rendah terhadap fatwa.

2.3 *Mekanisme Penyampaian Fatwa*

Jabatan-jabatan fatwa di Malaysia telah melakukan beberapa penambahbaikan sebagai tindak balas terhadap penerimaan fatwa yang rendah dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia khususnya dalam penambahbaikan terhadap penyebaran dan penjelasan fatwa. Penambahbaikan terhadap mekanisme penyebaran dan penerangan fatwa melalui pelan komunikasi yang berkesan supaya fatwa dapat difahami, diterima dan dihayati oleh rakyat Malaysia (Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, 2020). Penggunaan media dalam talian khususnya media sosial untuk menyebarkan maklumat dan penerangan fatwa juga bertepatan dengan prinsip Maqasid al-Shari'ah iaitu menjaga agama (Rosidi et al., 2022). Pada tahun 2001, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melancarkan portal e-fatwa e-Fatwa JAKIM. Platform e-fatwa ini, yang diperkenalkan secara rasmi pada tahun 2003, telah menandakan lembaran baharu dalam penyebaran fatwa di Malaysia (Suratem et al., 2015). Jakim juga menyediakan pangkalan data e-SMAF, yang menyusun semua fatwa yang dikeluarkan di peringkat negeri dan kebangsaan (Khairuldin et al., 2018). Di samping itu, setiap 14 buah negeri di Malaysia mempunyai laman web rasmi yang memaparkan fatwa-fatwa semasa.

Pada masa yang sama, beberapa orang mufti mengambil inisiatif dalam menyebarkan ceramah dan penjelasan isu-isu semasa termasuklah fatwa-fatwa terkini melalui pelbagai platform seperti Facebook, Youtube dan

instagram. Antaranya ialah bekas Mufti Kerajaan Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli al-Bakri dan Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainal Abidin mempunyai akaun Facebook dan Instagram peribadi yang membuat liputan ceramah dan disiarkan juga secara langsung oleh pihak-pihak lain. Laman Facebook Datuk Dr Zulkifli al-Bakri diikuti oleh 842 ribu pengikut (Facebook, 2022a) manakala laman Facebook Datuk Dr Mohd Asri Zainal Abidin kini diikuti oleh 1.1 juta pengikut (Facebook, 2022b). Begitu juga dengan ribuan video ceramah serta penjelasan fatwa dan isu-isu semasa yang dibuat oleh dua tokoh ini telah dimuat naik di laman YouTube menyumbang dalam penyebaran dan penjelasan fatwa kepada masyarakat. Bertindak balas dalam penambahbaikan ini, 92% responden penyelidikan Buang & Che Rosli (2017) bersetuju dengan penyebaran fatwa melalui teknologi terkini, seperti SMS (khidmat pesanan ringkas), e-mel dan media sosial. Kesannya, tinjauan berdasarkan media terkini mengenai pemahaman dan penerimaan masyarakat terhadap fatwa menunjukkan bahawa penerimaan fatwa semakin meningkat dalam kalangan penduduk Islam Malaysia (Rahman et al., 2016; Buang & Che Rosli, 2017; Shamsudin et al., 2018).

Kajian Rahman et al. (2016) mendapati kebanyakan masyarakat Muslim di Kuala Lumpur dan Selangor bersetuju dengan setiap fatwa yang dikeluarkan oleh majlis yang diterbitkan dalam akhbar Malaysia. Sementara itu, Buang dan Che Rosli (2017) mendapati kebanyakan pelajar universiti di Selangor selesa dengan pengurusan dan keputusan fatwa Negeri Selangor kerana kemudahan teknologi yang disediakan untuk mengakses bahan fatwa. Lanjutan daripada itu, Shamsudin et al. (2018) dalam tinjauan awal mendapati majoriti responden mengetahui kepentingan fatwa sebagai penjelasan hukum hakam syarak malah 90% responden memilih sangat bersetuju dan bersetuju terhadap penyampaian fatwa Selangor dengan menggunakan media atas talian membantu dalam mengetahui maklumat berkenaan dengan fatwa di Negeri Selangor. Menyedari hakikat di atas, antara faktor terpenting yang dirumuskan oleh pengkaji-pengkaji tersebut adalah saluran penyampaian maklumat fatwa yang cepat dan berkesan boleh meningkatkan kesedaran sosial dan penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia (Rahman et al., 2016; Buang & Che Rosli, 2017; Shamsudin et al, 2018; Rosidi et al., 2021a, 2021b). Walaubagaimanapun, kajian Rahman et al. (2016) melibatkan responden dari Kuala Lumpur dan Selangor manakala kajian Shamsudin et al (2018) mengehadkan responden daripada Selangor sahaja. Tidak terkecuali, kajian Buang & Che Rosli (2017) hanya melibatkan 100 orang pelajar Universiti Awam di Selangor sebagai responden.

Justeru, samada masyarakat Muslim Malaysia daripada 14 buah negeri dengan latar belakang, peringkat umur dan pekerjaan yang berbeza menerima atau menolak fatwa-fatwa yang diputuskan masih menjadi persoalan. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengenalpasti tahap pengetahuan fatwa, tahap kesedaran fatwa, tahap penggunaan media dalam talian untuk mendapatkan maklumat fatwa dan tahap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia secara keseluruhan.

3. METODOLOGI KAJIAN

Tinjauan digunakan secara meluas dalam metodologi penyelidikan yang direka untuk mengumpul data daripada populasi tertentu atau sampel populasi tersebut, dan instrumen bagi tinjauan adalah melalui soal selidik (Robson, 1993). Reka bentuk tinjauan adalah sesuai untuk mendapatkan pendapat umum tentang isu sosial dan realiti masyarakat yang berkaitan dengan keadaan fenomena semasa dan untuk mewujudkan konteks semula jadi keadaan sedia ada dalam sesebuah masyarakat (Cresswell, 2009; Trochim, 2000; Cohen & Manion, 1980). Dalam sains sosial dan tingkah laku, reka bentuk tinjauan adalah kaedah terbaik untuk mengumpul data primer, kerana ia membolehkan pemerhatian langsung saiz sampel yang besar (Pope, Van Royen & Baker, 2002). Ia adalah kaedah yang murah dan tepat untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Oleh itu, kaedah tinjauan dipilih kerana ia terbukti menjimatkan kos, menjimatkan masa, dan membolehkan kaedah analisis data yang mantap yang menarik minat penyelidik untuk digunakan dalam penyelidikan.

Kajian ini mendapatkan respon daripada responden melalui tinjauan dalam talian kerana kajian ini dijalankan ketika Malaysia dalam tempoh berkurung atas perintah darurat disebabkan penularan wabak COVID19 yang menjadikannya berisiko untuk bertemu responden secara bersemuka untuk pengumpulan data. Dalam mengkaji penerimaan fatwa dalam kalangan rakyat Malaysia, populasi kajian juga perlu diperluaskan lagi tanpa mengehadkan kepada latar belakang responen yang tertentu dan tidak menfokuskan negeri-negeri tertentu sahaja. Oleh hal yang demikian, kaedah persampelan kluster berbilang peringkat telah digunakan. Sebelum memuktamadkan elemen sampel akhir, peringkat pemilihan kluster telah dijalankan. Setiap negeri pada awalnya dikelaskan mengikut zonnya, dengan Perlis, Kedah, dan Pulau Pinang mewakili Zon Utara, Selangor, Wilayah Putrajaya, Wilayah Kuala Lumpur mewakili Zon Tengah, Kelantan, Terengganu, dan Pahang mewakili Zon Pantai Timur, Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor mewakili Zon Selatan dan Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan mewakili Sabah Sarawak. Dalam mengkaji populasi yang melebihi

jumlah 1 juta orang, Krejcie dan Morgan (1970) menetapkan jumlah 384 responden perlu diperolehi dalam sesebuah kajian.

39 soalan telah disediakan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden berkenaan isu kajian. Soalan-soalan dipecahkan kepada 4 bahagian iaitu (1) maklumat demografi responden (9 soalan), (2) pengetahuan responden terhadap fatwa (6 soalan), (3) kesedaran responden terhadap fatwa (10 soalan) dan terakhir penerimaan responden terhadap fatwa (4 soalan). Dalam menilai penerimaan responden terhadap fatwa, empat fatwa telah dipilih iaitu fatwa pengharaman merokok, menghisap shisha, rokok elektronik dan juga vape, fatwa pengharaman perdagangan pertukaran mata wang asing (forex) oleh individu secara lani (individual spot forex) melalui platform elektronik, fatwa kewajipan zakat seperti zakat pendapatan, perniagaan, simpanan, emas dan tanaman, dan terakhir adalah fatwa hukum penggunaan Vaksin COVID-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia. Pemilihan empat fatwa ini dibuat disebabkan fatwa tersebut dikeluarkan di peringkat kebangsaan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, dipersetujui oleh kebanyakan negeri-negeri malah diwartakan juga oleh sebahagian negeri. Seterusnya, data yang diperolehi melalui soal-selidik akan dianalisis dan diuraikan dengan menggunakan jadual frekuensi.

4. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 *Analisis terhadap demografi*

Kajian yang dijalankan ini telah berjaya memperoleh seramai 500 orang responden kajian yang terdiri daripada masyarakat Muslim dari seluruh pelusuk Malaysia. Jadual 3 menunjukkan taburan profil responden iaitu zon tempat tinggal, jantina, etnik, umur, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan bulanan, aplikasi media dalam talian yang digunakan dan purata tempoh penggunaan media dalam talian setiap hari. Majoriti responden berada di zon tengah, terdiri daripada negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur (36.6%), manakala minoriti adalah dari zon Sabah dan Sarawak dengan hanya 50 responden (10%). Majoriti responden adalah lelaki (54.4%) dan sebilangan besar (45.6%) adalah perempuan. Dari segi etnik, 95.6% adalah Melayu, 4.2% daripada lain-lain, manakala hanya 0.2% adalah etnik Cina. Selain itu, majoriti responden adalah dalam kumpulan umur antara 21-30 tahun (35%), tanpa jurang yang besar dalam kumpulan responden berumur 31-40 tahun (30.8%) dan ke atas 41 tahun (28.6%). Walau bagaimanapun, hanya 28 responden (5.6%) berada di bawah lingkungan umur 20 tahun. Bagi peringkat pendidikan pula, keputusan mendapati 72.8%

responden mempunyai pendidikan peringkat tinggi, diikuti oleh 27.2% pemegang pendidikan peringkat menengah. Berdasarkan keputusan tersebut, hampir separuh daripada responden (42.2%) didapati bekerja dalam kalangan sektor kerajaan, 26.2 peratus daripada sektor swasta, 10.6 peratus merupakan pelajar manakala hanya 27 responden (5.4%) responden merupakan pesara. Dari segi pendapatan responden, 27 peratus responden mempunyai pendapatan antara RM2,001-RM3,500, diikuti oleh RM3,501 - RM5,000 (21.4%), lebih daripada RM5,001 (20.4%) dan kurang daripada RM2,000 (19.2%). Namun begitu, minoriti (12%) responden tidak mempunyai pendapatan. Merujuk kepada aplikasi media dalam talian yang digunakan oleh responden, 3 aplikasi yang paling banyak digunakan oleh responden ialah Whatsapp (96%), Facebook (79.6%) dan Telegram (73%). Selain itu, purata masa responden menggunakan media dalam talian sehari adalah majoriti melebihi 3 jam (54%).

Jadual 3: Demografi Responden

Item	Kekerapan	Peratus (%)
Zon		
Selatan	131	26.2
Tengah	183	36.6
Timur	48	9.6
Utara	88	17.6
Sabah/Sarawak	50	10
Jantina		
Lelaki	272	54.4
Perempuan	228	45.6
Etnik		
Melayu	478	95.6
Cina	1	0.2
Lain-lain	21	4.2
Umur		
20 tahun kebawah	28	5.6
21 - 30 tahun	175	35
31 - 40 tahun	154	30.8
41 tahun ke atas	143	28.6
Pendidikan		
Menengah	136	27.2
Tertiari	364	72.8
Pekerjaan		
Sektor awam	211	42.2
Sektor swasta	131	26.2
Bekerja sendiri	55	11
Tidak bekerja	23	4.6
Pelajar	53	10.6

Pesara	27	5.4
Pendapatan Bulanan		
< RM2,000	96	19.2
RM2,001 - RM3,500	135	27
RM3,501 - RM5,000	107	21.4
> RM5,001	102	20.4
Tiada	60	12
Aplikasi media dalam talian		
Facebook	398	79.6
YouTube	340	68
Twitter	116	23.2
WhatsApp	480	96
Blog	20	4
Google+	184	36.8
Telegram	365	73
Instagram	292	58.4
Purata tempoh penggunaan media dalam talian (sehari)		
Kurang daripada 1 jam	27	5.4
1 – 2 jam	78	15.6
2 – 3 jam	125	25
Lebih daripada 3 jam	270	54

4.2 Pengetahuan Fatwa

Julat pengiraan markah digunakan dalam mengukur tahap pengetahuan fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia. Pengiraan menghasilkan tiga kategori skor min iaitu tahap rendah (1.00 – 2.33), sederhana (2.34 – 3.67) dan tinggi (3.68 – 5.00). Merujuk kepada jadual 4 di bawah, responden mempunyai tahap pengetahuan fatwa yang tinggi berdasarkan skor min yang dicatatkan sebanyak 4.50. Secara khusus, hanya seorang responden yang mempunyai skor min yang rendah manakala 51 daripadanya mencatatkan skor min sederhana dan selebihnya (448) mencatatkan skor min yang tinggi bagi tahap pengetahuan fatwa.

Jadual 4: Tahap Pengetahuan Fatwa Rakyat Malaysia

Tahap	Kekerapan	Peratusan	Min	SP
			4.50	0.51
Rendah (1.00-2.33)	1	0.2		
Sederhana (2.34 -3.67)	51	10.2		
Tinggi (3.68 – 5.00)	448	89.6		

Jadual 5 menunjukkan skor min bagi setiap item pengetahuan fatwa. Kesemua pengetahuan fatwa merekodkan skor min yang tinggi yang menunjukkan masyarakat Malaysia mempunyai pengetahuan berkenaan maksud fatwa ($M = 4.56$), bidang kuasa fatwa ($M = 4.50$) dan fatwa-fatwa semasa. Antara Fatwa yang paling diketahui oleh masyarakat Malaysia adalah mengenai fatwa kewajipan membayar zakat pendapatan, perniagaan, simpanan, emas dan tanaman pada kadar yang tertentu ($M = 4.72$), fatwa penggunaan Vaksin COVID-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia ($M = 4.59$), fatwa pengharamkan rokok, shisha, rokok elektronik dan vape di Malaysia ($M = 4.43$) dan fatwa pengharaman perdagangan pertukaran mata wang asing (forex) oleh individu secara lani (individual spot forex) melalui platform elektronik yang ada pada masa ini ($M = 4.20$).

Jadual 5: Purata dan Sisihan Piaawai bagi item Pengetahuan Fatwa

Item	Min	SP
Fatwa bermaksud pemberitahuan tentang hukum syarak	4.56	.63
Saya mengetahui bahawa fatwa yang dikuatkuasa/diwartakan di peringkat negeri mempunyai kuasa di sisi undang-undang di negeri tersebut	4.50	.72
Saya mengetahui fatwa pengharamkan rokok, shisha, rokok elektronik dan vape di Malaysia.	4.43	.84
Saya mengetahui fatwa pengharaman perdagangan pertukaran mata wang asing (forex) oleh individu secara lani (individual spot forex) melalui platform elektronik yang ada pada masa ini.	4.20	1.08
Saya mengetahui wujudnya fatwa mengenai kewajipan membayar zakat pendapatan, perniagaan, simpanan, emas dan tanaman pada kadar yang tertentu.	4.72	.59
Saya mengetahui fatwa terhadap hukum penggunaan Vaksin COVID-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia.	4.59	.73

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia adalah tinggi. Selain maksud dan fungsi fatwa yang mempunyai kuasa undang-undang apabila diwartakan, kesemua contoh fatwa yang didatangkan berada dalam pengetahuan kebanyakan responden. Seperti yang dibincangkan di dalam sorotan literatur, aspek pengetahuan menjadi kayu ukur yang utama dalam menilai penerimaan dan penolakan sesuatu fatwa. Oleh hal yang demikian, syarat dalam mengukur penerimaan atau penolakan fatwa dalam kajian ini telah dipenuhi kerana kebanyakan responden telah mencapai skor yang tinggi terhadap pengetahuan dalam fatwa-fatwa yang dinilai.

Dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Irwan et al. (2017) dan Rahman et al. (2016). Dalam kajian mereka, kebanyakan responden menjawab tidak tahu atau tidak pasti terhadap fatwa yang diputuskan, sedangkan kajian ini membuktikan bahawa maklumat utama berkenaan fatwa dan contoh-contoh fatwa semasa dan terdahulu telah diketahui oleh kebanyakan responden. Oleh itu, sekiranya berlaku penolakan terhadap fatwa-fatwa yang diputuskan melayakkan individu tersebut dihukum berdasarkan undang-undang yang telah diperuntukkan.

4.3 Kesedaran Fatwa

Secara keseluruhannya, responden kajian merekodkan skor min yang sederhana terhadap kesedaran fatwa ($M = 3.60$) seperti dinyatakan di dalam jadual 6. Setengah daripada responden mencatatkan skor min tinggi iaitu sebanyak 50.6 peratus, 38.2 peratus responden pula mencatatkan skor min sederhana manakala 11.2 peratus lagi mencatatkan skor min rendah.

Jadual 6: Tahap Kesedaran Fatwa Rakyat Malaysia

Tahap	Kekerapan	Peratusan	Min	SP
			3.60	0.97
Rendah (1.00-2.33)	56	11.2		
Sederhana (2.34 -3.67)	191	38.2		
Tinggi (3.68 – 5.00)	253	50.6		

Jadual 7 menunjukkan secara khusus skor min yang direkodkan bagi setiap item yang digunakan untuk mengukur kesedaran fatwa rakyat Malaysia dalam kajian ini. Daripada empat item yang dikaji, hanya satu daripadanya mencatatkan skor min yang tinggi manakala tiga lagi item mencatatkan skor min yang sederhana. Skor min yang tinggi adalah kesedaran rakyat Malaysia terhadap kewujudan media dalam talian rasmi Jabatan-Jabatan Mufti di Malaysia ($M = 4.11$). Manakala tiga item pada tahap sederhana adalah kesedaran rakyat Malaysia untuk mengikuti media dalam talian peribadi Mufti-Mufti dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri ($M = 3.22$), kesedaran rakyat Malaysia untuk mengikuti media dalam talian rasmi Jabatan-Jabatan Mufti di Malaysia ($M = 3.47$) dan kesedaran tentang kewujudan media dalam talian peribadi Mufti-Mufti dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri ($M = 3.63$).

Jadual 7: Purata dan Sisihan Piawai bagi item Kesedaran Fatwa

Item	Min	SP
Saya mengetahui kewujudan media dalam talian rasmi Jabatan-Jabatan Mufti di Malaysia.	4.11	1.03
Saya mengetahui kewujudan media dalam talian peribadi Mufti-Mufti dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri.	3.63	1.14
Saya mengikuti media dalam talian rasmi Jabatan-Jabatan Mufti di Malaysia.	3.47	1.20
Saya mengikuti media dalam talian peribadi Mufti-Mufti dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri.	3.22	1.23

Kesedaran fatwa sangat penting dalam memastikan masyarakat Muslim Malaysia sentiasa berusaha untuk mendapatkan maklumat berkenaan fatwa. Tanpa kesedaran fatwa yang tinggi, masyarakat akan lebih cenderung untuk mengabaikan maklumat-maklumat fatwa yang berlebaran di dalam masyarakat. Walaubagaimapun, kajian ini merekodkan tahap kesedaran fatwa yang sederhana dalam kalangan keseluruhan masyarakat Muslim di Malaysia. Jika dianalisis di sebalik pencapaian Skor min yang tinggi dalam kesedaran masyarakat Muslim Malaysia terhadap kewujudan media dalam talian Jabatan-Jabatan Mufti di Malaysia, akan tetapi kesedaran mereka untuk mengikuti media dalam talian tersebut adalah sederhana. Begitu juga kesedaran terhadap kewujudan media dalam talian peribadi Mufti-Mufti dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri dan kesedaran untuk mengikutinya adalah sederhana. Jika diteliti dengan lebih mendalam, keputusan ini tidak menghairankan lantaran pengikut di laman Facebook Datuk Dr Mohd Asri Zainal Abidin sekitar 1.1 juta pengikut manakala laman Facebook Datuk Dr Zulkifli al-Bakri diikuti hanya 842 ribu pengikut sedangkan kedua-dua tokoh ini terkenal sebagai mufti dan bekas mufti yang sentiasa terkehadapan dalam menjawab dan menjelaskan isu-isu semasa dan fatwa-fatwa terkini.

Namun demikian, tahap kesedaran fatwa yang dicapai dalam kajian ini lebih baik berbanding dengan dapatan kajian Shamsudin et al. (2018) yang mendapati tahap kesedaran terhadap fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim Selangor adalah rendah dengan hanya sebilangan kecil sahaja yang cakna tentang fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Selangor bahkan majoriti daripada mereka langsung tidak mengikuti perkembangan terkini fatwa negeri Selangor dan kajian Rahman et al. (2016) yang menunjukkan majoriti responden tidak berminat untuk mengetahui pelaksanaan fatwa setelah diwartakan oleh institusi fatwa negeri. Walaupun kajian ini hanya mencatatkan tahap kesedaran fatwa yang sederhana dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia namun kajian ini membuktikan wujudnya peningkatan kesedaran masyarakat terhadap fatwa.

4.4 Penggunaan media dalam talian untuk mendapatkan maklumat fatwa

Berdasarkan Jadual 8, responden merekodkan skor min yang tinggi terhadap Penggunaan media dalam talian untuk mendapatkan maklumat fatwa ($M = 4.08$). Dua pertiga daripada mereka mencatatkan skor min tinggi (68.4%), 27.2 peratus mencatatkan skor min sederhana manakala 4.4 peratus lagi mencatatkan skor min rendah.

Jadual 8: Tahap Penggunaan media dalam talian untuk mendapatkan maklumat fatwa

Tahap	Kekerapan	Peratusan	Min	SP
			4.08	0.84
Rendah (1.00-2.33)	22	4.4		
Sederhana (2.34 -3.67)	136	27.2		
Tinggi (3.68 – 5.00)	342	68.4		

Jadual 9 bawah menunjukkan secara khusus skor min yang direkodkan bagi setiap item yang mengukur penggunaan media dalam talian untuk mendapatkan maklumat fatwa. Analisis mengesahkan semua item mencatatkan skor min yang tinggi. Antara item teratas dengan skor min tertinggi adalah berkaitan situasi di mana rakyat Malaysia menggunakan media dalam talian untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan fatwa ($M = 4.24$), menggunakan media dalam talian untuk meningkatkan pemahaman mengenai fatwa ($M = 4.15$) dan menggunakan media dalam talian untuk mengetahui hujah dan keterangan fatwa ($M = 4.13$). Selain itu, dengan skor min ($M = 4.11$) menunjukkan penggunaan media dalam talian untuk merungkaikan kekeliruan terhadap fatwa, mengikuti fatwa-fatwa terbaru melalui media dalam talian ($M = 4.06$) dan mengenalpasti negeri yang menguatkuasakan sesuatu fatwa melalui penyebaran dan penjelasan media dalam talian ($M = 3.82$).

Jadual 9: Purata dan Sisihan Piawai bagi item Penggunaan media dalam talian dalam mendapatkan maklumat fatwa

Item	Min	SP
Saya menggunakan media dalam talian untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan fatwa.	4.24	.90
Saya menggunakan media dalam talian untuk mengikuti fatwa-fatwa terbaru.	4.06	.99
Saya menggunakan media dalam talian untuk meningkatkan pemahaman saya mengenai fatwa.	4.15	.95
Saya menggunakan media dalam talian untuk merungkaikan kekeliruan saya terhadap fatwa.	4.11	.97

Saya menggunakan media dalam talian untuk mengetahui hujah dan keterangan fatwa.	4.13	.95
Saya mengenalpasti negeri yang menguatkuasakan sesuatu fatwa melalui penyebaran dan penjelasan media dalam talian.	3.82	1.09

Kajian-kajian lepas menyenaraikan antara faktor yang menyebabkan berlakunya penolakan fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia adalah fatwa tidak sampai kepada pengetahuan masyarakat (Kasan, 2008; Irwan et al., 2017; Rahman et al., 2016; Rosidi et al., 2021a), kekeliruan terhadap fatwa di Malaysia (Ishak, 1981; Abdullah, 2004; Yong et al., 2009; Asuhaimi et al., 2017; Rosidi et al., 2021a), ketiadaan hujah dan dalil perbahasan dalam penulisan fatwa (Kasan, 2008; Buang 2012; Rosidi et al., 2021a). Dapatkan kajian ini bukan sahaja mengesahkan dapatkan kajian Buang & Che Rosli (2017) dan Shamsudin et al. (2018) yang menyatakan kebanyakan responden kajian mereka bersetuju penggunaan teknologi terkini seperti media dalam talian dalam penyebaran fatwa di Malaysia, bahkan kajian ini membuktikan media dalam talian merupakan platform yang terbaik dalam menyebarkan, menjelaskan, meningkatkan pemahaman, merungkaikan kekeliruan, mengetahui hujah keterangan, mengikuti fatwa-fatwa terbaru malah mengenalpasti negeri yang menguatkuasakan sesuatu fatwa berdasarkan skor min yang tinggi bagi semua item. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa penggunaan media dalam talian mampu memperbaiki isu-isu berkenaan fatwa yang dihadapi oleh masyarakat Muslim Malaysia.

4.5 Penerimaan Fatwa

Seperti dinyatakan di dalam Jadual 10, Skor min keseluruhan yang direkodkan untuk penerimaan fatwa dalam kalangan rakyat Malaysia ialah 4.60. Majoriti besar responden mendapat skor min yang tinggi pada penerimaan fatwa (90.6%). Hanya 0.4% daripada mereka mencatatkan skor min yang rendah dan 9.0% lagi mencatatkan skor min yang sederhana.

Jadual 10: Tahap Penerimaan Fatwa Rakyat Malaysia

Tahap	Kekerapan	Peratusan	Min	SP
			4.60	0.56
Rendah (1.00-2.33)	2	0.4		
Sederhana (2.34 -3.67)	45	9.0		
Tinggi (3.68 – 5.00)	453	90.6		

Jadual 11 di bawah menunjukkan secara khusus skor min yang direkodkan bagi setiap item yang mengukur tahap penerimaan fatwa dalam kalangan rakyat Malaysia. Kesemua item berjaya mencatatkan skor min yang tinggi.

Item yang teratas adalah penerimaan fatwa berkenaan suntikan vaksin COVID-19 ($M = 4.80$), penerimaan fatwa terhadap kewajipan membayar zakat ($M = 4.57$), diikuti oleh penerimaan fatwa pengharaman merokok, menghisap shisha, rokok elektronik dan juga vape ($M = 4.53$) dan yang terakhir adalah penerimaan fatwa pengharaman dalam perdagangan pertukaran mata wang asing (forex) oleh individu secara lani (individual spot forex) melalui platform elektronik ($M = 4.51$).

Jadual 11: Purata dan Sisihan Piawai bagi item Penerimaan Fatwa

Item	Min	SP
Saya mengelakkan diri daripada terlibat dalam perbuatan merokok, menghisap shisha, rokok elektronik dan juga vape.	4.53	1.004
Saya mengelakkan diri daripada terlibat dalam perdagangan pertukaran mata wang asing (forex) oleh individu secara lani (individual spot forex) melalui platform elektronik.	4.51	.927
Saya membayar semua zakat yang diwajibkan ke atas saya secara konsisten.	4.57	.786
Saya telah menerima atau akan menerima suntikan vaksin COVID-19.	4.80	.584

Setelah dibuktikan bahawa masyarakat Muslim Malaysia mempunyai maklumat dan pengetahuan terhadap fatwa-fatwa yang ditanya, kajian ini mengesahkan bahawa secara keseluruhannya, kebanyakan responden dalam kajian ini menerima dan berpegang dengan empat fatwa yang dinyatakan di dalam kajian ini. Meskipun kajian Ishak (1981), Abdullah (2004), Kasan (2008), Shamsudin et al. (2018) mendapati tahap penerimaan fatwa dalam kalangan responden kajian mereka adalah rendah, namun begitu kajian ini telah membuktikan sebaliknya tanpa menafikan wujudnya penolakan fatwa dalam kalangan segelintir kecil responden. Walaupun begitu, skor min yang agak tinggi telah dicapai iaitu 4.60 membuktikan kebanyakan masyarakat Muslim di Malaysia kini telah menerima dan beramal dengan fatwa yang diputuskan. Fatwa yang paling diterima adalah suntikan vaksin COVID-19 dengan skor min 4.80. Di samping pengesahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia terhadap kepentingan dan keselamatan suntikan vaksin COVID-19, fatwa keharusan mengambil suntikan vaksin COVID-19 yang dikeluarkan di peringkat persekutuan melalui Majlis Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang bersidang pada 3 Disember 2020 dan diterima di peringkat negeri-negeri telah menghilangkan keraguan masyarakat terhadap status halal bagi vaksin tersebut. Fatwa yang kedua mencapai skor tinggi adalah kewajipan membayar zakat samada zakat pendapatan, perniagaan, simpanan, emas dan

tanaman. Kajian ini menunjukkan kebanyakan rakyat Malaysia membayar zakat secara konsisten.

Fatwa yang paling kontroversi di Malaysia adalah fatwa pengharaman rokok, shisha, rokok elektronik dan juga vape. Hal ini disebabkan oleh penjualan bahan-bahan ini berleluasa di dalam masyarakat walaupun kebanyakan Jawatankuasa Fatwa Negeri di Malaysia bersidang memutuskan untuk menerima keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan bahawa merokok, menghisap shisha, rokok elektronik dan juga vape adalah haram dari pandangan Islam kerana membahayakan kesihatan para penggunanya, mendatangkan kemudaratan kepada orang di sekeliling serta alam sekitar dan perbuatan tersebut menjurus kepada pembaziran wang, masa dan tenaga serta membawa kerugian kepada pengguna yang menggunanya. Lebih daripada itu, Pulau Pinang pada 2004 dan Selangor pada 1996 telah mewartakan pengharaman merokok, Johor pada 2015 telah mewartakan pengharaman vape dan rokok elektronik, manakala Negeri Sembilan telah mewartakan pengharaman menghisap shisha pada 2016. Dengan pewartaan fatwa-fatwa tersebut di negeri-negeri berkenaan, tindakan undang-undang Syariah boleh diambil kepada inividu-individu yang terlibat dengan bahan-bahan larangan tersebut. Namun begitu, penguatkuasa undang-undang Syariah dalam fatwa-fatwa ini dilihat lebih longgar berbanding penguatkuasaan fatwa-fatwa lain seperti dalam kesalahan mengajar tanpa tauliah yang merekodkan lebih banyak pendakwaan bahkan ada yang dipenjarakan kerana kesalahan tersebut. Namun dalam berinteraksi dengan kesalahan merokok, menghisap shisha, rokok elektronik dan juga vape seakan wujud halangan yang perlu dikaji dalam penguatkuasaan fatwa-fatwa ini.

Dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Yong et al. (2009) dan Elkalmi et al. (2016). Yong et al. (2009) mendapati 8% responden berpegang kepada fatwa haram merokok manakala 76% responden berpandangan merokok hanyalah sekadar tidak digalakkkan dalam Islam. Kajian Elkalmi et al. (2016) pula menunjukkan bahawa 82.1% pelajar yang merokok sedar wujudnya fatwa pengharaman merokok oleh jabatan-jabatan mufti negeri namun hanya 64.3% dalam kalangan perokok bersetuju dengan fatwa tersebut manakala selebihnya tidak bersetuju malah mendakwa merokok tidak membahayakan kesihatan dari sudut sains sekaligus tidak sewajarnya dihukumkan sebagai haram. Tanpa mengehadkan ciri-ciri tertentu dalam pemilihan responden untuk mewakili lebih 1 juta masyarakat Muslim di seluruh Malaysia yang terdiri daripada latar belakang demografi yang berbeza, kajian ini membuktikan bahawa kebanyakan masyarakat Muslim di Malaysia berpegang dan mematuhi fatwa pengharaman rokok, shisha, rokok

elektronik dan juga vape.

Fatwa yang terakhir adalah pengharaman perdagangan pertukaran mata wang asing (forex) oleh individu secara lani (individual spot forex) melalui platform elektronik yang ada pada masa ini. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012 telah membincangkan Hukum Perdagangan Pertukaran Matawang Asing oleh Individu Secara Lani (Individual Spot Forex) Melalui Platfom Elektronik dan memutuskan bahawa hukumnya haram kerana ia bercanggah dengan kehendak syarak dan juga tidak sah dari sisi undang-undang negara. Selaras dengan itu, umat Islam adalah dilarang daripada melibatkan diri dalam perdagangan mata wang seumpama ini. Keputusan yang sama dipersetujui oleh Jawatankuasa fatwa Negeri Perak, Perlis, Negeri Sembilan dan Sabah. Kajian ini mendapati kebanyakan masyarakat Muslim Malaysia menerima dan mengikuti fatwa ini.

5. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kajian ini secara emperikal membuktikan bahawa tahap penerimaan masyarakat Muslim Malaysia terkini terhadap fatwa-fatwa yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa fatwa kebangsaan dan jabatan-jabatan fatwa negeri di Malaysia adalah tinggi. Lantaran itu, kajian ini menafikan kecenderungan masyarakat untuk menolak fatwa keluaran institusi fatwa di Malaysia sekaligus menunjukkan institusi-institusi fatwa di Malaysia masih lagi dihormati dan dihargai oleh kebanyakan masyarakat Muslim di Malaysia.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa tahap pengetahuan fatwa dalam kalangan masyarakat adalah tinggi. Hal ini sejajar dengan penerokaan kemudahan teknologi maklumat terkini oleh institusi-institusi fatwa Malaysia. Lebih-lebih lagi mekanisma penyebaran maklumat fatwa melalui pelbagai platform seperti laman Facebook, Instagram, YouTube dan juga laman web rasmi dilakukan dengan aktif. Lanjutan daripada itu, kajian ini juga mendapati tahap penggunaan media dalam talian sebagai platform untuk mendapatkan maklumat berkenaan fatwa juga tinggi.

Walaubagaimanapun, kesedaran fatwa dalam kalangan masyarakat berada pada tahap yang sederhana. Namun begitu, kajian ini menunjukkan peningkatan kesedaran fatwa dalam kalangan masyarakat berbanding dengan dapatan kajian-kajian yang lepas. Oleh hal yang demikian, institusi fatwa di Malaysia perlu menggiatkan usaha meningkatkan kesedaran fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia.

6. RUJUKAN

- Abdullah, R. (2004). Fatwa dan masyarakat. In. Ahmad Hidayat Buang (ed.). *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Al-Sa'di, A. R. N. (2018). *Tafseer as-Sa'di*. English Edition 1. Riyadh: Publish by International Islamic Publishing House.
- Ashaari, M. F., Rasit, R. M., Ismail, Z., & Ramzy, M. I. (2019). Islamic discourse in the facebook of mufti departments in Malaysia | Wacana islam di facebook jabatan-jabatan mufti Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 17(1), 66 – 77. <https://doi.org/10.24035/IJIT.17.2020.170>
- Asuhaimi, F.A, Pauzai, N.A, Makhtar, M, Asari, K. (2017). The Role and Position of Fatwa in Malaysian Court. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 25(S), 227-238.
- Black, R. S., and Rojewski, J. W. (1998). The role of social awareness in the employment success of adolescents with mild mental retardation. *Education and Training in Mental Retardation and Developmental Disabilities*, 33(2), 144–161.
- Buang, A. H. (2012). Ke Arah Membangun Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa Malaysia: Skop dan Kandungan, paperwork presented at Muzakarah Pakar; Garis Piawaian Panduan dan Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan . Date: Oktober 24 10, 2012 (Rabu), at USIM Malaysia.
- Buang, A. H., & Che Rosli, C. R. (2017). Persepsi dan Penerimaan Mahasiswa Terhadap Fatwa Negeri Selangor. *Journal of Fatwa Management and Research*, 9(1), 129–147. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol9no1.44>
- Elkalmi, R. M., Alkoudmani, R. M., Elsayed, T. M., Ahmad, A., & Khan, M. U. (2016). Effect of Religious Beliefs on the Smoking Behaviour of University Students: Quantitative Findings From Malaysia. *Journal of Religion and Health*, 55(6), 1869–1875. <https://doi.org/10.1007/s10943-015-0136-0>
- Facebook. (2022a). Laman Facebook Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. <https://www.facebook.com/drzulkiflialbakri>. Accessed: 19 Mei 2022.

- Facebook. (2022b). Laman Facebook Datuk Dr Mohd Asri Zainal Abidin. <https://www.facebook.com/DrMAZA>. Accessed: 19 Mei 2022.
- Ibnu Al-Qayyim, M. A. B. S. (2005). *Tariq al-Hijratayn wa-Bab al-Sa'adatayn*. Labenon: Resalah Publishing.
- Irwan, M. S., Nuradli Ridzwan Shah, M. D., Azman, A. R., Mohamad Zaharuddin, Z., Ahmad Wifaq, M., & Anas, M. B. (2017). Penerimaan dan Kepatuhan Masyarakat Muslim di Selangor Terhadap Fatwa-fatwa Akidah yang Telah Diputuskan. Nilai, Negeri Sembilan.
- Ishak, O. (1981). *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur, Malaysia: Fajar Bakti.
- Jakim. (2022a). Jawatankuasa-Jawatankuasa Fatwa Peringkat Negeri. http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/latar_belakang/mufti. accessed: 19 Mei 2022.
- Jakim. (2022b). Pandangan hukum yang diputuskan di peringkat Jawatankuasa Muzakarah MKI dan Jawatankuasa Kuasa Fatwa Negeri-Negeri. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/3>. accessed: 19 Mei 2022.
- Kamali, M. H. (2016). Articles Moderation in Fatwa and Ijtihad: Juristic And Historical Perspectives. *Islam and Civilizational Renewal*, 7(3), 303–324.
- Kasan, H. 2008. "Institusi fatwa di Malaysia". Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahman, S. N. A., Ramle, N. A., Sabri, A. S., Abd Karim, N. K., & Buyong, M. (2016). Reporting Fatwa In The Media: Reception And Perception. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 9(special edition), 31–47.
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N (2021a). Penerimaan Fatwa Dalam Kalangan Masyarakat Muslim Malaysia:Satu Tinjauan Literatur: Acceptance of Fatwa Among Malaysian Muslim Society: A Literature Review. *Journal of Fatwa Management and Research*, 24(1), 45-62. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol24no1.335>
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N. (2021b). The Impact of Social Media on The Acceptance Of Fatwas Among Malaysian

Muslims. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(1), 17-36.
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol26no1.389>

Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Majid, M. N. A. (2022). The Role of Maqasid al-Shari'ah as a Fundamental Ethics in Social Media Use. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(4), 1285–1301. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i4/13044>

Shamsudin, S. N., Mohd Subri, I., & Mohd Dali, N. R. S. (2018). Penerimaan Media Atas Talian Sebagai Medium Penyampaian Fatwa dalam Kalangan Masyarakat Muslim Selangor: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Fatwa Management and Research*, 10(1), 73–88.
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol10no1.30>

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, 2020. "Ke Arah Memartabatkan Institusi Fatwa", Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah At Multaqa Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia. Date; September 22, Sama-sama Hotel, KLIA.

Suratem, N. A., Hamid, S., Rahman, N. N. A. (2015). "JAKIM's E-Fatwa as a New Platform of Fatwa Dissemination in Malaysia", paperwork presented at International Seminar on Media and Dakwah. Date: 24 November 2015 at USIM.

Yong, H. H., Hamann, S. L., Borland, R., Fong, G. T., & Omar, M. 2009. Adult smokers' perception of the role of religion and religious leadership on smoking and association with quitting: A comparison between Thai Buddhists and Malaysian Muslims. *Social Science and Medicine*, 69(7), 1025–1031. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2009.07.042>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.